

HADIAH

PERATURAN 8

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 [P.U.(A)395/1993]

Jabatan Pertanian MELARANG pegawai dan kakitangan terlibat dalam penerimaan sebarang bentuk hadiah (hamper, diskaun, komisen dan lain-lain) daripada orang atau pihak (*supplier, contractor, vendor, service provider* dan lain-lain) yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi atau kepentingan dengan jabatan.



Seseorang pegawai tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk zahir atau selainnya, daripada atau kepada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan tugas rasminya.

Jika hal keadaan menyebabkan sukar bagi seseorang pegawai untuk menolak sesuatu hadiah atau cenderamata yang bernilai, yang penerimaannya dilarang oleh peraturan ini, hadiah itu bolehlah diterima secara rasmi tetapi pegawai itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Ketua Jabatannya yang mengandungi perihalan lengkap dan anggaran nilai hadiah itu dan hal keadaan hadiah itu diterima.

Pemberian dan penerimaan hadiah oleh penjawat dan kakitangan Jabatan Pertanian perlu mengikut ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tataterrib) 1993. Ketidakpatuhan kepada ketetapan tersebut boleh menjurus kepada kesalahan jenayah atau pelanggaran tataterrib.



UNIT INTEGRITI
JABATAN PERTANIAN
ARAS 14, WISMA TANI
PUTRAJAYA